

ADAT
ISTIADAT PERKAHWINAN DALAM MASYARAKAT YANG
MENGAMALKAN ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN:
TUMPUAN KAJIAN DI KAMPUNG BELANGKAN,
KUALA SAWAH. RANTAU.

SITY ROHANE DEWA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR.
1977 - 78

ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN DALAM MASYARAKAT
YANG MENCAMAKAN ADAT TERPATIH DI NEGERI
SEMBILAN: TUMPUAN KAJIAN DI KAMPUNG
BELANAKAN, KUALA SAWAH, RANTAU

OLEH : SITY ROHANE DEWA

Latihan Ilmiah ini dipersembahkan kepada Institut
Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Ke-
bangsaan Malaysia, untuk memenuhi sebahagian daripada keper-
luan memperolehi Ijazah Sarjanamuda Sastera dengan Kepujian.

Sidang Akademik 1977/78

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
Kandungan -----	i - iii
Penghargaan -----	iv

BAB 1 : LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN

1.1 Pengenalan

a. Tujuan dan Bidang Kajian -----	1
b. Method Kajian -----	2

1.2 Latar Belakang Tempat Kajian ----- 3 - 5

a. Pentadbiran -----	5 - 7
b. Ekonomi dan Sosial -----	7 - 9
c. Adat Istiadat -----	10 - 12
d. Ugama -----	12 - 13

BAB 2 : PERKAHWINAN SEPINTAS LAJU

2.1 Pengertian Perkahwinan ----- 14 - 16

2.2 Bentuk Perkahwinan dalam masyarakat

Adat Perpatih -----	16 - 19
---------------------	---------

2.3 Orang yang tidak boleh Kahwin ----- 19 - 22

2.4 Corak Penjodohan ----- 23 - 27

BAB 3 : ADAT ISTIADAT PEMINANGAN

3.1 Jenis-Jenis Perkahwinan

a. Aturan Tak Lazim

1. Menyerah -----	28 - 29
ii. Merumah -----	29 - 31
iii. Sesalahan -----	31 - 32
b. Aturan biasa	
3.2 Merisik atau Risik-Andai -----	32 - 40
3.3 Pinangan atau Hantar Tanda -----	40 - 46
3.4 Pembatalan Peminangan -----	46 - 48

BAB 4 : UPACARA-UPACARA ATAU ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN

4.1 Hari Kayu Berakar -----	49 - 55
4.2 Istiadat Berendam -----	55 - 58
4.3 Istiadat Berinai	
a. Malam Berinai Kecil -----	58
b. Malam Berinai Besar -----	58 - 60
i. Istiadat Mengisi Adat ----	60 - 62
ii. Istiadat Akad Nikah -----	62 - 67
iii. Perarakkan -----	67 - 68
iv. Persandingan -----	68 - 70
4.4 Hari Lansung -----	70 - 74
a. Istiadat Perarakkan di Hari Lansung -----	74
b. Istiadat Persandingan di Hari Lansung -----	74 - 75
i. Istiadat Suap-Suap -----	75 - 76
ii. Istiadat Padam Lilin -----	76 - 77
iii. Istiadat Pangkasan -----	77 - 78

iv.	Istiadat Menyembah -----	78
v.	Istiadat Makan Damai -----	79 - 80
4.5	Hari Bertandang atau Menyalang -----	80 - 82
4.6	Istiadat Tempuh Jejak atau Menikam Jejak -----	82 - 84
4.7	Penutup -----	84 - 90
BIBLIOGRAFI	-----	91 - 92
LAMPIRAN i :	Peta Mukim Rentau -----	93
LAMPIRAN ii :	Surat Nikah/Kahwin -----	94
LAMPIRAN iii :	Surat Izin Perempuan kepada Walinya -	95
LAMPIRAN iv :	Surat Taklik -----	96
LAMPIRAN v :	Gambar-Gambar -----	97 - 106

PENCHARGAAN

Dalam usaha menyiapkan tesis ini, saya banyak berhutang budi kepada beberapa orang perseorangan yang telah bermurah hati turut menyumbangkan berbagai rupa pertolongan dalam masa saya melakukan kajian ini.

Ucapan terimakasih yang tak terhingga, saya tujukan kepada Encik Ismail Hamid yang sudi menjadi penyelia latihan ilmiah ini. Bimbingan dan teguran beliau kepada saya untuk menjayakan latihan ilmiah saya ini, sangat saya hargai.

Seterusnya saya mengucapkan ribuan terimakasih kepada Encik Abdullah Munchak kerana sudi memberi bahan-bahan kajian ini, dan menolong saya mendapatkan bahan-bahan kajian ini di tempat kajian. Juga kepada penduduk-penduduk di Kampung Belangkan (tempat kajian) yang telah membenarkan saya menghadiri majlis perkahwinan di sana. Layanan dan sumbangan mereka itu tidaklah dapat saya membalasnya melainkan Tuhan sahaja yang akan membalasnya.

Tidak ketinggalan juga saya berterimakasih kepada suami saya, Mohd. Sharif Abd. Latiff yang bersusah payah menemani saya bila membuat kajian ini dan yang telah banyak berkorban terutama dari segi material. Juga ibu bapa saya yang sentiasa memberi galakan untuk terus menyempurnakan latihan ilmiah ini, terimakasih jua saya ucapkan.

Kompleksiswa A, Kampus Universiti

Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Sity Rohane Dewa

March, 1978.

BAB IV

UPACARA~~UPACARA~~ ATAU ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN

Suatu kenduri atau majlis perkahwinan dalam Adat Perpatih merupakan satu organisasi sosial. Dalam sesuatu organisasi sosial mesti ada peranan atau fungsi. Mesti ada yang memerintah dan yang diperintah atau mesti ada yang menunjuk dan yang membuat. Mesti ada yang dipanggil dan mesti ada yang boleh disuruh. Jadi semua keluarga (waris dan orang semenda) terlibat dalam majlis itu iaitu dari hari atau istiadat merisik seterusnya ke hari langsung dan istiadat bertandang atau menyalang. Penglibatan semua keluarga amat jelas dalam istiadat atau upacara perkahwinan terutama beberapa hari sebelum hari langsung dan pada hari langsung.

4.1 Hari kayu berakar.

Biasanya hari kayu berakar adalah dua minggu sebelum hari langsung. Tetapi di tempat lain seperti di Gadik, Alor Gajah, hari ini dikenali sebagai 'hari berkampung'. Bezanya 'hari berkampung' diadakan dua hari sebelum hari langsung. Misalnya 'hari berkampung' pada hari Jumaat maka hari langsung ialah hari Ahad. ¹

Hari kayu berakar adalah hari meletak atau menetap kerja. Maksudnya buapak mengetuai satu mesyuarat atau muafakat dan dia yang menetapkan orang-orang yang akan melaksanakan tugas-tugas yang

¹ Zainal Kling, Sistem Kekeluargaan Di Melaka Utara (Kuala Lumpur: Tesis UM, 1969), hal. 218.

tertentu. Sebelum diadakan mesyuarat itu, di sebelah paginya, orang lelaki dari waris suku,² orang semenda dan jiran-jiran datang ke rumah si pengantin menolong memperbaiki mana-mana lantai rumah yang telah patah, tiang-tiang rumah yang tidak kuat itu disokong. Kadang kala serambi rumah yang kecil dibesar atau ditambah lagi supaya besar dan lain-lain lagi. Bek kata perbilangan adat:-

Yang tiada diadakan,
Yang jauh didekat,
Yang patah diganti,
Yang lemah disokong.

Ini bertujuan supaya boleh menampung sanak saudara yang akan datang bagi menolong kerja-kerja dan memeriahkan lagi majlis itu di hari langsung nanti. Di samping itu mereka juga mendirikan balai makan yang dinamakan 'selasar' bagi jemputan lelaki dan perempuan di bahagian hadapan rumah. Pada masa dahulu tiada selasar, para jemputan dijamu di atas rumah sahaja. Juga didirikan balai tempat memasak, mereka mengumpulkan kayu api menyediakan kawah untuk memasak nasi, tungku dan sebagainya.

Bagi waris dan orang semenda perempuan pula menolong menyediakan perkakas-perkakas dapur seperti membersihkan dan mengelap periok belanga, pinggan mangkuk, sudu, gelas, dulang dan lain-lain lagi. Biasanya alat-alat ini dipinjam dari sanak saudara atau kaum kerabat terutama sanak saudara yang rumahnya terdekat sekali dengan rumah pengantin. Justru itu kita lihat pinggan mangkuknya berbagai-

²Istilah WARIS adalah menyatakan perhubungan antara anggota-anggota yang sama suku. Tiap-tiap anggota memanggil yang lain dengan panggilan WARIS. Sila lihat Idris Hj. Tain, "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan", Kertaskerja Seminar Pensejakhahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April 1974, hal. 3.

bagai warna kerana ia bukan milik seorang (tuan rumah). Mereka juga menyediakan kelengkapan masak memasak seperti cili, rempah, memilih beras, mengacau dodol atau wajik untuk boko yang akan dibawa semasa hari bertandang atau menyalang ke rumah pengantin lelaki.

Mereka juga menolong membuat 'pelamin' iaitu suatu tempat yang khas dibuat bagi kedudukan kedua-dua pengantin. Pelamin ini tinggi sedikit dari lantai dengan dua atau tiga mata tangga. Di atas pelamin dihamparkan pula dengan kain yang cantik-cantik. Dua buah kerusi pengantin yang diukir khas diletakkan di atas pelamin. Di belakang pelamin digantung tabir dari kain yang satu warna atau di selang-seli dengan berbagai-bagai warna. Juga dibentang kain ~~le-~~ langitnya. Diletakkan pasu-pasu bunga di kiri kanannya. Pelamin ini diletakkan pada bahagian dalam rumah bersandarkan dinding bilik. Sila lihat gambar nombor 1, pada lampiran 5. Pelamin diadakan pada bahagian dalam rumah kerana biasanya selepas berarak sebelum masuk ke dalam itu pengapit pengantin lelaki terpaksa berhambat pintu dahulu dengan pihak perempuan yang berada di dalam. Upacara ini dinamakan 'hambat pintu' dan perlu membayar sedikit wang sebanyak dua ringgit (RM\$2.00) sebelum dibenarkan masuk dan duduk di atas pelamin. Sekarang ini, upacara itu telah berkurangan kerana pelamin selalu diadakan di bahagian pangkal atau hujung serambi terutama bagi rumah-rumah yang di bahagian dalam rumahnya kecil.

Manakala di bilik pengantin pula mereka berkerjasama menghias segala peralatan yang baru iaitu ketil, tilem, bantal, almari, meja solek tetapi yang penting ialah mengunting dan menjahit kelambu. Kemudian menggantungkannya. Tempat sirih untuk diperedarkan pun

telah disediakan oleh mereka. Bak kata perbilangannya:-

"Sudah tersusun rupanya sirih,
Sudah berkacip rupanya pinang,
Sudah putih rupanya kapur,
Sudah kuning rupanya gambir,
Sudah bersimpul rupanya tembakau. 3

Pada sebelah petangnya pula diadakan satu mesyuarat atau permuafakatan untuk menetapkan kerja bagi tiap-tiap orang. Terlebih dahulu tuan rumah atau sanak saudaranya yang kedim memberitahu kepada sanak saudara yang hadir dalam mesyuarat itu bahawa majlis perkahwinan yang akan diadakan itu samada mengikut 'cara Adat' atau 'cara Jamu'. Jika mengikut 'cara Adat' maknanya majlis itu diserahkan kepada buapak. Buapaklah yang akan mengurus segala-segalanya sejak hari itu hingga ke hari langsung atau berakhirnya majlis. Jika 'cara Jamu' buapak tidak mempunyai kuasa di dalam majlis itu. Buapak hanya seperti para jemputan yang lain. Majlis itu dipulang atau diserahkan kepada waris suku. Cara ini hanya berjaya jika tuan rumah itu ramai sanak saudaranya yang akan menguruskan majlis itu. 4

Jika tuan rumah memilih mengikut 'cara Adat' kerana dia memikirkan kesenangannya seperti dia tidak berkerja di hari langsung hanya duduk berehat sahaja sambil menyaksikan anak dan menantunya berpakaian pengantin. Dan majlis perkahwinan itu berjalan lancar.

³Shamsiah Abd. Rahim, Bahasa Perbilangannya Dalam Istiadat Perkahwinan, Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan, Satu Contoh, Tesis UKM, 1974/75, hal. 43.

⁴Selain dari dua cara di atas, terdapat satu cara lagi iaitu majlis itu dibuat 'cara Lembaga'. Maksudnya lembaga (ketua suku) yang akan mengendalikan majlis itu. Majlis itu besar dan rumit, orang-orang yang berkerja termasuk semua buapak dan anak buah dalam kampung itu, mesti menjemput datuk Undang, memotong seekor kerbau, mencacak lembing di halaman rumah dan sebagainya. Hasil dari temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak, di tempat kajian penulis.

Selepas itu buapak menetapkan tiap-tiap orang dengan tugasnya masing-masing. Seorang orang semenda lelaki dengan seorang kanak-kanak (umurnya lebih kurang sepuluh tahun dan waris dengan pengantin atau tuan rumah) yang membawa tepak sirih pergi menjemput pengantin lelaki dan rombongannya di hari 'malam berinai' dan hari 'lansung' nanti. Tujuan membawa tepak sirih sewaktu pergi menjemput kerana sirih itu melambangkan adat tegur sapa dan budi bahasa. Seperti kata pantunnya:-

Makan sirih berpinang tidak
pinang ada di Kota Melaka
makan sirih mengenyang tidak
teguh dek budi dengan bahasa.

Selain dari itu orang semenda itu juga memainkan peranan sebagai tukang andam pengantin lelaki dan dia menerima bayaran sebanyak sepuluh ringgit (RM 10.00). Dua orang semenda lelaki ditugaskan untuk mengangkat air. Bayarannya adalah sejumlah wang yang dikumpulkan hasil kutipan daripada tiap-tiap orang semenda dan orang tempat semenda. Tiap-tiap orang semenda membayar sekurang-kurangnya 30%. Tetapi sekarang orang-orang kampung ini sudah mendapat bekalan air kecuali kawasan-kawasan pedalaman sahaja iaitu di kampung Ulu Belangan. Maka secara tak langsung tugas ini telah hilang.

Buapak juga menetapkan empat orang lelaki yang akan menjulang kedua-dua pengantin. Mereka ialah dua orang dari orang semenda dan dua orang dari orang tempat semenda. Manakala dua orang semenda itu juga yang akan menjaga pintu untuk istiadat yang dipanggil 'hambat pintu' di hari lansung kelak. Ketua-ketua bagi penyambut tetamu, pelayan tetamu dan memasak juga dilantik oleh buapak.

Buapak juga menetapkan orang semenda perempuan pergi menjemput orang-orang kampung supaya hadir di rumah pengantin perempuan pada 'malam berinai' dan hari 'lansung' nanti. Mengikut kata adat menjemput itu dikenali sebagai 'memanggil'. Lazimnya mereka pergi menjemput seminggu sebelum berlansungnya majlis perkahwinan itu. Mula-mula orang di luar kampung dan diikuti orang-orang dalam kampung. Walau bagaimanapun lebih terserah kepada masa lapang orang yang disuruh pergi menjemput itu.

Jika mereka menjemput orang-orang kampung, mereka membawa tempat sirih tetapi buapak dijemput oleh orang semenda lelaki dengan membawa tepak sirih. Dahulu ada juga menggunakan kad jemputan tetapi cuma diberi kepada orang-orang yang tempat tinggal mereka jauh seperti di Kelantan, Pahang dan sebagainya. Sekarang kad jemputan kahwin bukan sahaja untuk orang-orang yang jauh tetapi juga bagi orang-orang yang kampungnya berhampiran dengan kampung si pengantin. Apa yang menjadi masalah dalam jemput-menjemput ini ialah terlalu ramai yang hendak dijemput, lebih-lebih lagi pula jika si pengantin mempunyai ramai sanak saudara. Mungkin ada orang yang patut dijemput tidak dijemput. Oleh kerana hubungan ahli-ahli masyarakat kampung itu diikat oleh perasaan persaudaraan sesuku dan perasaan sekampung bagi jiran-jiran. Maka mudahlah mereka berkecil hati jika keluarganya tidak dijemput. Tambahan pula jika perkara ini berlaku kepada keluarga terdekat atau sanak saudara yang terdekat hubungan kekeluargaan menjadi renggang. Ada yang berdendam sehingga sampai gilirannya membuat kenduri kahwin nanti. Dia juga berbuat demikian, iaitu dengan tidak menjemput orang itu pula. Tetapi hal ini jarang

berlaku dalam masyarakat Adat Perpatih seperti kampung ini, kerana buapak akan mendamaikan dahulu sesiapa sanak saudara yang tersinggung atau berkecil hati dengan ibu bapa si pengantin, damada dikenakan denda atau bayaran salah atau menyembah.

Jika kerja-kerja yang dibuat di sebelah pagi hari 'kayu berakar' itu tidak dapat diselesaikan oleh mereka. Kerja-kerja itu disambung pada hari-hari berikutnya hingga pada dua atau tiga hari lagi hari langsung. Hari-hari menyiapkan kerja-kerja itu dipanggil 'Olek Remlam'.

Sebelum malam berinai kecil iaitu di sebelah petangnya, tabir dan lelangit⁵ telah dipasang pada dinding dan alang serambi rumah. Bek kata gurindam adatnya:-

"Sudah terdendeng rupanya tabir,
Sudah terbentang langit-langit,
Sudah tergantung kain sampaian. 6

Sementara itu di tempat buapak di pangkal serambi dibentang tilam bujur sementara di tempat pengantin lelaki di anjung serambi pula dibentang tilam pandak.

4.2 Istiadat berandam.

Dilakukan pada sebelah petang, sebelum malam berinai kecil. Jika tidak diadakan istiadat malam beriani kecil maka istiadat berandam diadakan sebelah petang, sebelum malam berinai besar. "Tetapi

⁵Tabir dan lelangit ialah cantunan perca-perca kain yang berwarna-warni atau berbagai corak. Ia dibuat sedemikian rupa untuk melambangkan bahawa seseorang buapak itu mempunyai ramai anak buah di bawah jagaannya. Hasil temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak.

⁶Shamsiah Abd. Rahim, op. cit., hal. 43.

di negeri-negeri lain, istiadat ini diadakan tiga hari sebelum hari lansung perkahwinan itu. Pengertian berendam itu ialah perempuan yang hendak berkahwin itu dicukur andam rambut disepangang dahinya, kemudian diperelokkan bentuk bulu keningnya dan giginya pun diasah dengan sejenis batu gigi supaya mana-mana yang tidak sama dipersamakan." ⁷ Dalam istiadat atau upacara berendam yang dilakukan sekarang perkara berasah gigi sudah tidak dijalankan lagi.

Mengikut temuramah di antara pemberita majallah Keluarga dengan seorang mak andam yang terkenal di ibu kota, Puan Amnah Hamzah, berusia 36 tahun, dia telah lama menceburkan diri dalam lapangan ini. Dia mula berkerja dengan baca sedikit jampi serapah. Jampi ini ialah syarat yang mesti sebelum mengandam. Tujuan jampi itu ialah menaikkan seri muka dan perisai yang akan melindungi pengantin dari rasa gementar dan pengsan semasa bersanding nanti. Pengsan ketika bersanding memang perkara biasa dan kerap terjadi dalam majlis-majlis persandingan. Ini adalah kerana ketika bersanding itu berbagai-bagai perasaan datang menyerang pengantin. Ada rasa malu, resah, rimas dan ditambah pula dengan suasana keliling yang bising dengan manusia.

"Sesudah membaca jampi serapah. Dia akan memotong sedikit rambut di tengah dahi pengantin perempuan dan kemudian mencukur semua bulu roma di bahagian muka. Bulu itu dipanggil 'bulu sial'. Ia mesti dicukur bersih. Ini akan menjadikan muka si pengantin berseri.

⁷ Sia Wee Teng, Adat Istiadat Perkahwinan Orang-Orang Melaka, Trinidad Kelantan, Tesis UKM, 1976/77, hal. 66.

Setelah mencukur bulu roma di muka tadi, mak andam akan membedakan pula pengantin tadi dengan apa yang dipanggil 'bedak langir' iaitu bedak sejuk dari beras yang dicampurkan dengan air limau nipis. Selepas itu barulah pengantin itu menjalankan upacara 'mandi limau'.

Ada syarat dan petua tertentu yang mesti dipatuhi oleh mak andam dan pengantin yang disolek. Umpamanya semasa kerja mengandam dijalankan, hanya mak andam dan pengantin sahaja berada di dalam bilik. Adalah pantang bagi orang lain yang cuba mengganggu ketika mak andam sedang berkerja. Satu lagi petua mengandam ialah setiap pengantin yang dia andamkan, tidak dibenarkan melihat cermin sehingga selesai dia menyolek serta memakaikan pakaian untuk bersanding. Bila segalanya telah selesai barulah pengantin boleh melihat wajahnya dalam cermin." ⁸

Berdasarkan keterangan di atas jelas bahawa mak andam bukan menjadi tukang solek pengantin sahaja. Dia bertanggung jawab juga menjaga keselamatan pengantin semasa bersanding di pelamin. Dengan jampi serapahnya dan alat-alat kemenyan, kain putih, pisau cukur dan tepung tawar, dia dapat menambah serikan wajah pengantin dan menjaga keselamatannya. Tetapi masa ini ramai pengantin pergi ke kedai solek untuk menghiaskan dirinya sebelum ke upacara persandingan. Jadi dia tidak lagi diandam oleh tukang-tukang andam kampung. Ini biasanya berlaku pada gadis-gadis yang mendapat pelajaran tinggi atau yang sudah menerima unsur-unsur kebudayaan barat. Mengikutnya dengan bersolek di kedai, solekan itu lebih ringkas dan

⁸ Aliyah, "Rahsia Mak Andam Menjadikan Pengantin Berseri Di Pelamin", Majallah Keluarga, (Kuala Lumpur: Amir Enterprise. Sdn. Bhd., Keluaran 21, Disember 1977), hal. 50 - 52.

senang.

4.3 Istiadat berinai.

Ada dua jenis berinai.

(a) Malam berinai kecil.

(b) Malam berinai besar.

(a) Malam berinai kecil.

Malam berinai kecil atau dipanggil 'inai curi' diadakan satu hari sebelum lansung. Misalnya hari lansung ialah hari Ahad, maka malam berinai kecil dibuat di rumah perempuan pada malam Sabtu. Pada malam itu pengantin perempuan dihias dengan pakaian pengantin dan didudukkan di atas pelamin. Anak dara atau gadis-gadis yang menyertai atau menghadiri di dalam upacara itu menginaikan jari-jari kaki dan tangan pengantin. Malam ini gadis-gadis berkesempatan melihat pengantin dan tujuan malam berinai kecil itu juga untuk memberi peluang gadis-gadis melihat pengantin. Oleh sebab dahulu gadis-gadis tidak dibenarkan menghadiri majlis perkahwinan pada hari lansung. Tetapi sekarang gadis-gadis bersama-sama dengan pemuda-pemuda melayan para jemputan atau 'orang panggilan'.

(b) Malam berinai besar.

Malam berinai besar diadakan pada malam sebelum hari lansung di rumah pengantin perempuan. Dan malam ini dipanggil juga 'malam berkenak' bagi masyarakat di kampung Belangan. Pada malam ini juga iaitu sebelum istiadat berinai besar, istiadat mengisi adat

dan istiadat akad nikah ⁹ dijalankan oleh ketua-ketua adat dan ugama.

Sebelum pihak lelaki berjalan ke rumah pihak perempuan. Pihak perempuan mestilah menjemput pihak lelaki terlebih dahulu dengan menghantar dua orang wakil yang terdiri daripada seorang semenda dan seorang lagi ialah waris yang berumur lebih kurang sepuluh tahun seperti yang telah ditetapkan oleh buapak di hari 'kayu berakar' dulu, berserta dengan tepak sirih yang dibalut dengan kain songket atau sebarang kain yang dibuat khas untuk membalutnya. Sila lihat gambar nombor 2, pada lampiran 5.

Setelah dipersilakan orang semenda tadi naik ke atas rumah pengantin lelaki. ¹⁰ Sambil orang semenda itu menghulurkan tepak sirih kepada buapak pihak lelaki. Dia pun berkata:-

"Kemudian saya ini ibarat kata adat,
Kok turun dari istana menjunjung tepak,
Kok turun dari balai menjunjung sabda,
Turun dari rumah nan berkotak tangga,
Kampung nan bersudut,
Disuruh orang tempat semenda saya menjemput." ¹¹

Sekarang orang semenda hanya mengatakan secara ringkas, seperti berikut:- "Saya dapat hukum dari buapak, datang menjemput pengantin dan rombongannya sekali." ¹²

⁹Di kampung Belangan (tempat kajian penulis), majlis akad nikah hanya diadakan di 'malam berinai besar' sahaja. Tetapi di setengah tempat dalam Negeri Sembilan, akad nikah diadakan di sebelah malam berinai besar atau di hari langsung. Ini terpulanglah kepada muafakat di kedua belah pihak. Hasil dari temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak.

¹⁰Jika pengantin lelaki itu ialah orang luar kampung, tambahan pula jarak kampungnya sangat jauh dari kampung si perempuan. Maka dia hanya datang ke rumah saudara si perempuan yang berhampiran dengan rumahnya. Jadi orang semenda hanya menjemput pihak lelaki di rumah persinggahan itu sahaja. Hasil dari temuduga dengan Abdullah Munchak.

¹¹Shamsiah Abd. Rahim, op. cit., hal. 47.

¹²Hasil dari temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak.

Setelah orang yang menjemput tadi menyampaikan niatnya atau menyelesaikan tugasnya, maka tepak sirih itu dibuka oleh buapak pihak lelaki lalu dimakan bersama-sama. Sila lihat gambar nombor 3, pada lampiran 5.

(i) Istiadat mengisi adat.

Setelah dijemput, pengantin lelaki pun berangkatlah ke rumah pengantin perempuan dengan dihantar oleh sanak saudara dan sahabat-handai. Mereka membawa tepak sirih, wang hantaran atau 'belanja hangus',¹³ sepersalinan pakaian (baju, kain sarung dan tudung atau selindang) dan barang-barang iringan seperti buah-buahan, kuih-muih, alat-alat solek dan lain-lain lagi. Semua barang-barang hantaran itu digubah dalam bentuk-bentuk tertentu. Misalnya 'belanja hangus' digubah dalam bentuk seimbangan bunga, barang-barang iringan seperti telekong atau kain sembayang dibuat kobis dan sebagainya. Sila lihat gambar nombor 4, pada lampiran 5. Biasanya jumlah barang-barang hantaran itu ialah tidak kurang dari tujuh dulang. Sekarang jumlahnya meningkat hingga kedua puluhan kerana banyak barang-barang iringan. Jumlah ini lebih bergantung kepada kemampuan pihak lelaki.

Selain dari itu mereka juga membawa seekor ayam, segantang beras dan setali kelapa (dua biji nyior atau kelapa). Mengikut Adat, barang-barang itu sebagai makanan pengantin lelaki semasa menumpang bermalam di rumah pengantin perempuan. Maksudnya ayam dan kelapa itu

¹³ Dahulu tidak ada 'belanja hangus' kerana ia telah dijumlahkan dalam maskahwin. Jika maskahwin sebanyak M\$ 24.00 maka pihak lelaki membayar sebanyak dua kali ganda iaitu M\$ 48.00. Hasil dari temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak.

adalah lauknya dan beras ialah nasinya.

Apabila sampai ke rumah pengantin perempuan disambut oleh pihak perempuan dengan menabur beras kunyit di pintu tangga, sambil mempersilakan semua anggota rombongan naik ke atas rumah. Pihak perempuan masuk ke dalam rumah iaitu bahagian tengah rumah. Sementara itu pihak lelaki mengambil tempat masing-masing di serambi. Buapak mengambil tempat duduknya di pangkal serambi. Tempat duduknya beralaskan sebusah 'tilam bujur', di tepi dinding dan di atasnya di gantungkan tabir dan langit-langit. Pengantin lelaki¹⁴ dan pengiringnya atau pengapit duduk di atas 'tilam pandak' serta di atas kepalanya juga digantung tabir dan langit-langit. Para pengiring dan pegawai-pegawai lain duduk di tempat lain di serambi itu yang mana pegawai-pegawai agama seperti kadhi dan imam duduk di sebelah pengantin, orang-orang yang berzikir duduk di sebelah pegawai agama, pendekar-pendekar pula duduk di sebelah penzikir dan para pengiring lain duduk di sebelah pendekar itu.

Barang-barang yang dibawa tadi diletakkan di hadapan kedua-dua buapak iaitu buapak pihak lelaki dan buapak pihak perempuan. Maka buapak pihak lelaki menyerahkan 'belanja hangus' dan segala barang-barang lain yang telah dituntut oleh buapak pihak perempuan. Sema-sa menyerahkan itu bergantung kepada pihak lelaki samada hendak ber-

¹⁴ Pada masa dahulu ketika pengantin lelaki atau mempelai sampai ke rumah pengantin perempuan maka akan diberi gelaran mengikut kepandaiannya. Jika dia pandai bersilat akan digelar 'pendekar', pandai membaca al-Quran dan tahu soal-soal agama akan digelar 'si malim'. Demikianlah satu-satu kepandaian itu diakuhkan dengan memberi gelaran yang tertentu seperti mentori (menteri), merajo (Sri Maharaja), berperang (Inam Perang) dan sebagainya. Sila lihat Nordin Selat, op. cit., hal. 46.

cakap cara biasa (prosa) dan ringkas atau dalam bahasa perbilangan. Di setengah-tengah tempat dalam Negeri Sembilan yang masih kuat mengamalkan Adat Perpatih seperti di Rembau dan Kuala Pilah. Mereka menggunakan bahasa perbilangan adat seperti berikut:-

"Jangan malu jangan segan,
Saksikanlah bersama-sama nampaknya,
Kok panjang keratkan,
Kok pendek hubungkan,
Kok berlebih untunglah,
Kok kurang minta maafilah." 15

Istiadat menyerahkan barang-barang tadi dipanggil istiadat 'mengisi adat'.

(ii) Istiadat Akad nikah.

Selesai istiadat 'mengisi adat', maka pengantin lelaki menjalani istiadat akad nikah. Istiadat ini memerlukan beberapa orang tertentu yang hadir iaitu seorang wali, dua orang saksi dan kedua-dua pengantin yang hendak berkahwin. Yang berlaku ialah lafaz akad atau ijab dan kabul dan penyerahan maskahwin. 16 Ini adalah merupakan syarat-syarat rukun nikah di dalam ugama Islam.

Istiadat akad nikah dimulakan dengan menjemput pengantin lelaki duduk di atas tikar 17 berhadapan wali yang akan menikahkan-nya. Kadi atau imam (wakil wali) pun mendaftarkan keterangan orang

¹⁵ Shamsiah Abd. Rahim, op. cit., hal. 51.

¹⁶ Maskahwin adalah pemberian suami kepada isteri pada waktu nikah di-akadkan menurut ketentuan hukum syarak yang disebut mahr. Maskahwin ini bukan sahaja merupakan hak khas bagi perempuan di mana dia dapat meminta apa sahaja yang dikehendakinya dan dapat pula membebaskannya sebahagian, tetapi juga menjadi milik peribadinya. Sila lihat Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat Di Malaysia (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1975), hal. 137.

¹⁷ Alas tempat duduk pengantin lelaki untuk nikah tidak tetap. Biasanya tikar sembayang. Sila lihat gambar nombor 5, pada lampiran 5.

yang hendak dinikah itu mengenai tempat lahir mereka, nama wali, nama saksi-saksi dan jumlah maskahwin. Sila lihat lampiran 2.

Sebelum dinikahkan pengantin perempuan terlebih dahulu ditanya untuk mendapat persetujuan atau keizinan. Keizinan anak perempuan itu didaftarkan. Sila lihat lampiran 3.

Selesai pendaftaran, saksi-saksi pun dijemput duduk berhampiran kadhi atau imam dan pengantin lelaki. Tujuannya ialah supaya saksi-saksi itu dapat mendengar dengan jelas sebutan ijab dan kabul yang akan dilafazkan nanti. Sebelum istiadat ini (akad nikah) dijalankan kadhi atau imam menyoal pengantin lelaki tentang rukun nikah. Jika si lelaki itu tidak mengetahui biasanya diberitahu tetapi jika dia tahu maka istiadat akan diteruskan dengan bacaan 'khutbah nikah' dalam bahasa Arab oleh kadhi atau imam. Sebenarnya khutbah ini adalah penerangan tentang kewajiban dan tugas hidup bersuami isteri dan sebab-sebab digalakkan berkahwin dalam Islam. Selepas itu diadakan akad. Wali atau wakil wali¹⁸ menjabat tangan lelaki yang hendak dinikahkan itu. Sila lihat gambar nombor 5, pada lampiran 5, dan menyebut: "Ya amu bin amu (nama lelaki) aku nikahkan akan dikau akan anak aku (jikalau wali itu bapa si perempuan) amu binti amu (nama perempuan) dengan maskahwin M\$ 24.00 tunai atau hutang." Selesai sahaja ucapan itu dengan segera si lelaki menerima dengan berkata: "Aku terima nikahnya si amu binti si amu (nama perempuan) dengan maskahwin M\$ 24.00 tunai atau hutang."¹⁹ Ucapan wali adalah dinamakan ijab dan penerimaan lelaki dinamakan kabul.

¹⁸ Wali ialah terdiri dari bapa si perempuan dan wakil wali seperti kadhi dan sebagainya menurut susunan wali.

¹⁹ Zainal Kling, op.cit., hal. 225 - 226.

Selepas lafaz itu kadhi atau imam menanyakan saksi-saksi yang selalunya terdiri dari pegawai agama juga seperti bilal dan mungkin, semada akad itu sah atau tidak. Jika saksi-saksi mengatakan tidak sah, terpaksa ijab dan kabul itu diulang semula. Ada istiadat ijab dan kabul ini berulang beberapa kali, ini disebabkan lelaki yang menerima nikah itu gugup atau sebagainya.

Selepas istiadat ijab dan kabul, kadhi atau imam pun membaca doa selamat. Kemudian kadhi atau imam itu menerangkan kepada si lelaki itu tentang lafaz taklik. Sila lihat lampiran 4, dan lelaki itu diminta melafazkan taklik itu. "Jika si lelaki gagal memberi nafkah kepada isterinya dalam masa empat bulan setelah dia keluar dari rumah dan tidak menghantar berita kepada isterinya dan si isteri pula mengadukan hal itu kepada kadhi, maka jatuhlah satu talak ke atas isteri. Dengan lain perkataan, isteri itu akan bercerai dengan si suami itu dengan sendirinya jika dia menemui atau meminta dari kadhi kerana suaminya tidak menghantar nafkah dan tiada berita semenjak meninggalkan rumah dalam masa empat bulan." 20

Selepas itu upacara membatalkan air sembayang di mana si lelaki dibawa masuk ke dalam bilik pengantin bertemu dengan pengantin perempuan. Upacara membatalkan air sembayang ini dengan cara si perempuan mencium tangan si lelaki sahaja atau si lelaki menyuruhkan cincin ke dalam jari perempuan. Kadang-kadang keduanya sekali. Dengan itu upacara atau istiadat akad selesai.

"Di sini kita perlu melihat kembali significance upacara

²⁰Ibid, hal. 226.

akad tadi. Pada dasarnya upacara ini adalah upacara agama. Keadaan sah atau tidak sahnya upacara ini menentukan sah atau tidaknya seluruh perkahwinan itu, dan sah atau benarnya melakukan hubungan jenis antara lelaki dan perempuan. Hanya apabila akad sudah disahkan maka baharulah perkahwinan itu disahkan dan kedua suami isteri dibenarkan melakukan hubungan jenis dan melahirkan turunan yang sah pula. Tanpa akad maka perkahwinan tiada sah dan anak yang dilahirkan dari hubungan antara kedua lelaki dan perempuan adalah dianggap sebagai 'anak haram' atau 'anak gampang' atau 'anak luar nikah'. Istilah-istilah ini adalah istilah yang keji dan buruk bukan sahaja dari segi agama bahkan dari segi sikap masyarakat sendiri. Malahan dari segi agama hubungan jenis di luar nikah adalah satu dosa yang besar dan dikatakan melakukan zina (fornication). Jadi melakukan hubungan di luar nikah atau dengan cara tanpa akad adalah satu perbuatan yang berdosa dan keji. Di sinilah letaknya kepentingan akad. Sepasang suami isteri dianggap sah nikahnya jika hanya dengan akad tanpa upacara-upacara yang lain." 21

Selesai upacara atau istiadat akad nikah semua para jemputan dan para pengiring dijamu, keistimewaan diberi kepada buapak dengan menghidangkan sedulang makanan yang bertutup dengan tudung dan tudung itu pula ditutup dengan kain khas seperti kain yang ditenun dengan benang emas dan sebagainya. Tujuannya untuk mencantikkan lagi dan tanda hormat kepada buapak. Di dalam dulang buapak mesti disertakan masakan kepala kambing. Kepala kambing itu mesti dililit

²¹ Ibid, hal. 226 - 227.

dengan perut supaya mulutnya tidak ternganga. Ini disebabkan "aturan buapak di dalam anak buahnya, seekor kambing adatnya." Tegasnya uljuran status buapak ialah seekor kambing: "Macam mana pun alat jamunya atau hukum yang dibayar ataupun pergaduhan yang diselesaikan, jika adatnya seekor kambing, maka buapaklah yang punya." ²²

Pinggan mangkuk yang digunakan untuk hidangan makanan buapak mestilah dari jenis dan warna yang serupa serta baik keadaannya, tidak sumbing, retak dan kotor. Tiap-tiap hidangan mestilah sama, tidak lebih dan tidak kurang. Sebelum makan, buapak akan memerhatikan tiap-tiap kedudukan hidangan supaya tidak ada bahan-bahan yang berkurangan atau berlainan. Kemudian dia akan membuka tudung saji perutup "tudung hidang" dan "pengiring hidang". Jika di dapati berlainan atau berkurangan ataupun tersalah cara, maka buapak akan menutup semula tudung saji itu, menandakan yang beliau telah tersinggung. Bila berlaku demikian, orang tempat semenda hendaklah lekas-lekas atau cepat membawa tepak sirih meminta maaf: "Terlintas kepala ladang, terpijak benang orang, Dah salahlah saya nampaknya kepada datuk. Naklumlah dah lama tak buat - dah lupa. Minta maafilah saya kepada datuk."

Majlis-majlis kenduri-kendara ini kadang-kadang digunakan untuk menguji pengetahuan seorang buapak terhadap tata cara Adat. Ujian ini biasanya dilakukan oleh tetamu yang ikut sama dengan menukar isi "pengiring hidang" atau mengurangkan isi yang terdapat dalam satu-satu hidangan atau kadang kala dengan membubuh rambut.

²² Nordin Selat, op. cit., hal. 162.

Kalau buapak tidak nampak kesilapan-kesilapan ini, dianggap kurang pengetahuan dalam tata cara Adat. Peristiwa ini akan menjadi perbualan." ²³

(iii) Perarakkan.

Setelah selesai menjamu semua para jemputan maka diadakan majlis perarakkan. Pengantin lelaki dan pengantin perempuan di pakaikan dengan pakaian pengantin ²⁴ oleh tukang andam pihak perempuan dan tukang andam pihak lelaki. ²⁵ Kemudian kedua-dua pengantin diarak cara julang atau tandu. ²⁶ Biasanya tandu itu dijulang oleh empat orang, mengelilingi rumah atau sekurang-kurangnya dua atau tiga rantai. Perarakkan itu diiringi oleh zikir rebana atau kompang. Sampai di halaman hadapan rumah kedua-dua pengantin yang disandingkan dengan si lelaki sebelah kanan di atas tandu itu, diletakkannya di atas tanah supaya dapat dituntun oleh para jemputan. Tujuannya

²³ Ibid, hal. 163.

²⁴ Pada malam berinai besar, selalunya pakaian pengantin adalah jenis pakaian lama atau tradisional iaitu berbaju kurung dan bersanggul lintang bagi perempuan. Sementara si lelaki memakai pakaian baju Melayu yang lengkap iaitu memakai kain sampin, keris dan setanjak atau tengkolok. Sila lihat gambar nombor 6, pada lampiran 5.

²⁵ Tukang andam pihak lelaki ialah 'orang semenda' yang menjemput mempelai atau pengantin lelaki dan rombongannya tadi.

²⁶ Tandu ialah tempat duduk pengantin yang dibuat daripada kerusi yang diberi kayu atau buluh alas untuk dijulang di atas bahu. Di keliling tandu itu dicacakkan lilin yang menyala. Ini menyerikan lagi kedua pengantin yang diarak itu. Sila lihat gambar nombor 6, pada lampiran 5.

Selain dari itu, ada jenis julang yang hanya dipikul di bahu, iaitu dua orang ditugaskan oleh buapak memikul di bahu mereka tiap-tiap pengantin itu. Setiap pasangan pengantin tidak mesti diarak dengan cara julang. Ada juga perarakkan cara kedua pengantin itu berjalan kaki sahaja. Tegasnya jenis perarakan ini bergantung di atas muafakat kedua belah pihak. Hasil dari temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak, di tempat kajian penulis.

memberi peluang kepada para jemputan melihat pengantin dengan cara yang lebih dekat lagi. Ketika inilah diadakan pertunjukan pancak-silat dan bakaran bunga api untuk memeriahkan lagi majlis perarakan itu.

Sepanjang perarakan itu perempuan adalah diiringi oleh tukang andam yang ditempah oleh ibu bapa pengantin itu ²⁷ dan pengantin lelaki pula ditemani oleh seorang semenda yang ditugas oleh buapak pihak perempuan bagi mengurus dan memenuhi kehendak pengantin lelaki atau mengandamnya.

(iv) Istiadat Persandingan.

Selepas perarakan kedua-dua pengantin dibawa naik ke atas rumah. Sebelum itu, apabila sampai di tangga, seorang diarahkan untuk menyiram beras kunyit dan pengantin perempuan dibawa naik ke atas rumah dan di dudukkan di kerusi sebelah kiri pelamin. Kemudian pengantin lelaki atau mempelai dipimpin oleh tukang andam ke pelamin dan didudukkan di kerusi sebelah kanan di sisi pengantin perempuan itu. Ketika inilah kedua-dua pengantin sebagai raja duduk di atas tahta yang diumpamakan orang sebagai 'raja sehari'.

²⁷ Tukang andam menghias dan menyediakan segala alat-alat hiasan yang diperlukan dengan bayaran sewa tertentu. Dahulu fesyen pakaian ialah fesyen lama dan sewanya pun sedikit atau murah. Berbeza sekarang fesyen pakaian berbagai-bagai dan sewa pun mahal. Misalnya, seorang tukang andam, Puan Amnah telah menyediakan pakaian berbagai-bagai bangsa untuk pengantin iaitu pakaian-pakaian Indosnesia, Thailand, Jepun, Cina, India dan Arab. Bayaran sewanya antara M\$ 180.00 hingga M\$ 200.00. Hasil temuramah pemberita Majallah Keluarga dengan Puan Amnah. Sila lihat, Majallah Keluarga, Disember 1977, hal. 51.

(i) Istiadat berinai besar dan istiadat tepung tawar.

Di masa persandingan inilah diadakan istiadat berinai besar dan istiadat tepung tawar. Tepung tawar sebagai tanda mengucapkan selamat datang kepada pengantin lelaki dan perempuan. Biasanya lima atau tiga orang yang menepung tawar dan mencecahkan inai kepada pengantin.

Jika lima orang, seorang wakil dari ibu bapa, sebelah lelaki, seorang wakil dari ibu bapa sebelah perempuan, seorang wakil dari orang semenda, seorang wakil dari orang tempat semenda atau waris dan buapak mewakili seluruh anak buahnya atau ahli suku.

Mereka bergilir-gilir menepung tawar²⁸ dan menabur sedikit bertih dan beras kunyit. Kemudian dia mengambil sedikit inai²⁹ dan mencecahkan di atas tapak tangan kedua-dua pengantin. Selain dari istiadat berinai besar dikenali juga dengan nama istiadat 'mencecah inai'. Di akhirnya dia menyembah kedua-dua pengantin. Selepas itu diadakan tarian inai. Tarian inai ini ditarikan oleh beberapa orang pemuda yang diiringi dengan rebana. Contohnya; seorang pemuda menyembah kedua-dua pengantin. Kemudian menyarungkan se-bentuk cincin di jari telunjuk tangan sebelah kiri dan se-bentuk cincin lagi di jari telunjuk tangan sebelah kanan. Dia meletakkan se-buah piring kecil yang berisi lilin yang menyala di telapak tangannya. Selepas itu, dia menari mengikut rentak pukulan rebana sambil

²⁸ Tepung tawar ialah beras basuh yang ditumbuk dan dicampurkan dengan air bedak, akhirnya ia berkeadaan seperti air susu. Serumpun daun iaitu daun-daun sepulih, hati, rusa dan sedingin diikat dengan akar ribu-ribu. Ini dicelupkan pada campuran yang seperti air susu tadi, kemudian direnjiskan di atas tapak tangan kedua-dua pengantin.

²⁹ Daun inai yang telah ditumbuk lumat hingga ia boleh meninggalkan kesan merah.

melaga-lagakan cincin dengan tapak piring itu. Selesai menari dia menyembah kembali kedua-dua pengantin.

Selesai persandingan dan upacara atau istiadat yang berkaitan dengannya maka untuk malam itu berakhir istiadat. Adat istiadat atau upacara-upacara yang lain atau berikhtaya akan dibuat pada hari langsung, keesokan harinya. Kadang-kadang selepas istiadat persandingan diadakan berzanji, marhaban dan zikir rebana hingga ke pagi. Sekarang ia tidak dibuat lagi kerana sulit atau sukar hendak menguruskannya, umpamanya menyediakan makanan para penzikir sedangkan pekerja-pekerja telah letih berkerja. Jika berzanji tidak dibuat, kadang-kadang pula diadakan tarian dan joget untuk menghibur hati terutama anak-anak muda dan menghilangkan rasa letih berkerja.

4.4 Hari langsung.

Menurut Zainal Kling, "hari langsung adalah hari yang paling meriah di rumah pihak perempuan di dalam istiadat perkahwinan." ³⁰ Pada hari langsung inilah, sejak pagi-pagi lagi orang semenda dan waris atau lebih dikenali dalam Adat Perpatih sebagai 'orang pangkal' ³¹ melaksanakan tugas-tugas mereka yang telah ditetapkan oleh buapak

³⁰ Zainal Kling, op. cit., hal. 221.

³¹ Umar Junus, "Some Remarks on Minangkabau Social Structure", ada menyebutkan di Minangkabau terdapat satu golongan kerabat di dalam majlis perkahwinan yang dinamakan 'Sipangka' dan 'Olek'. 'Sipangka' ialah anggota-anggota suku yang akan menerima 'urang sumando' dan 'Olek' pula ialah 'urang sumando', anggota-anggota kampung dan indok bako. Jadi terdapat satu kelompok yang penting di Minangkabau dan kelompok ini terdapat di kampung Belangkan. Sila lihat, ibid, hal. 222.

di hari 'kayu berakar' dulu. Seperti mengangkat air jika rumah itu tiada menerima bekalan air, memasak, menghidangkan makanan adalah tugas pihak perempuan yang waris, orang semenda dan jiran yang berdekatan. Sekarang menghidang makanan dan melayan tetamu atau para jemputan atau orang panggilan adalah ditugaskan kepada pemuda dan pemudi yang menganggotai satu kumpulan belia.

Di sepanjang hari langsung itu. Buapak bertanggung jawab mengawasi semua kerja-kerja waris dan orang semenda itu. Jika ada di antara mereka yang cuai dengan kerja-kerja mereka maka buapak perlu mengerah mereka supaya segera berkerja. Tegasnya buapak memberi keordinasi kepada seluruh perjalanan istiadat perkahwinan itu. Dengan cara ini barulah segala kegiatan majlis berjalan dengan lancar dan sempurna.

'Orang pangkal' ini dijamu makan terlebih dahulu dari 'orang panggilan' yang dipanggil sebagai 'makan pangkal'. Tujuannya sebagai 'alas perut' supaya mereka dapat menjalankan tugas masing-masing dengan cergas dan selesa. Biasanya 'makan pangkal' ini selesai pada 9.00 pagi. Kemudian barulah mereka melayan 'orang panggilan' yang datang ke majlis perkahwinan itu. Dahulu di sepanjang masa dari pagi hingga ke petang 'orang panggilan' akan terus menerus datang. Sekarang telah ditentukan masa bagi 'orang panggilan' pergi ke majlis perkahwinan iaitu biasanya di kampung ini dari 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari.³²

³² hasil dari temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak, di tempat kajian penulis (kampung Belangkan).

Orang-orang panggilan perempuan (orang tua) yang datang membawa beras sebagai buah tangan. Jumlah beras yang dibawa mereka tidak ditetapkan bergantung kepada kemampuannya. Dahulu biasanya mereka membawa segantang beras, sekarang ini beras yang dibawa sudah berkurangan dan selalunya secupak atau dua cupak beras sahaja. Kadang-kadang ada di antara mereka yang membawa telur sebanyak mana yang disukai seperti 30, 40, 50 atau 100 biji, tetapi lazimnya mereka membawa telur sebanyak 40 atau 50 biji. Jika mereka tidak membawa beras atau telur, mereka membawa wang tunai sebanyak yang mereka mampu, biasanya orang kampung hanya mampu membawa dari M\$ 1.00 hingga M\$ 5.00 sahaja. Wang tunai ini adalah satu perkara baru dan ia dipilih sebagai salah satu buah tangan ke majlis perkahwinan kerana ia lebih mudah disediakan dari buah tangan yang lain, seperti telur yang perlu direbus dan dibungkus atau diisikan dalam bakul telur dahulu.

Orang yang membawa beras, telur dan wang tunai tadi adalah dengan tujuan 'menanam' dan berharap akan dibalas pada masa mereka mengadakan majlis perkahwinan nanti. Atau 'membayar tanaman' kerana sering kali satu masa dahulu tuan rumah sudah membawa benda-benda seperti itu dan kini dibayar semula.

Bagi saudara-mara yang dekat selalu menanam bahan-bahan mentah seperti gula, tepung, minyak masak, beras malah ada yang menanam seekor kambing tetapi tanaman-tanaman (barang-barang mentah) mereka ini tidak dicatatkan dalam buku hanya tuan rumah terpaksa mengingat nama-nama saudara-maranya itu, kerana tiap-tiap barang yang ditanam mestilah dibalas. Justru itu tiap-tiap tanaman 'orang

panggilan' tadi adalah dicatitkan ke dalam buku tertentu oleh seorang yang memang ditugaskan untuk itu.

Jelas di sini ujudnya reciprocal atau hubungan timbal balik di antara tuan rumah dengan orang panggilan dan saudara-mara. Oleh itu bagi tiap-tiap orang yang tidak mahu pergi atau menolong rumah orang lain maka majlis di rumahnya nanti tidak akan ditolongi orang pula malah dipulaukan orang. 33

Kini terdapat satu amalan baru di mana pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang menjadi sahabat kepada orang yang berkahwin itu menghadiahkan bermacam-macam benda seperti satu set gelas, sebuah album, sebuah lampu tidur dan sebagainya. Semua barang-barang ini dibungkus menggunakan kertas yang berwarna-warni. Barang-barang ini diserahkan kepada tuan rumah dan diletakkan di dalam bilik pengantin perempuan. Ada setengah-tengah rumah, tempat hadiah itu diletakkan di atas meja di halaman rumah untuk tuntunan para jemputan. Amalan ini adalah baru dan resapan dari bandar.

Orang panggilan atau para jemputan yang telah menyerahkan buah tangan mereka itu pada juruastit atau jurutulis, mereka menerima balasan atau 'berkat' telur tetapi dahulu berkatnya merupakan sekeping pulut kuning yang dicucuk telur. Mungkin menyediakan pulut kuning adalah remeh jadi mereka menggantikan dengan telur pula. Setelah itu mereka dipersilakan ke balai makan perempuan bagi orang-orang perempuan dan ke balai makan lelaki bagi orang-orang lelaki.

³³ Zainal Kling, op. cit., hal. 223.

Biasanya masa makan itulah diedarkan telur kepada tiap-tiap jemputan. Sebelum pulang para jemputan itu akan bersalaman dengan tuan rumah dan minta izin untuk pulang. Kadang-kadang mereka terus sahaja pulang tanpa minta izin dari tuan rumah, mungkin ramai para jemputan agak sukar mereka hendak menemui tuan rumah. Ada pula para jemputan yang tidak pulang ke rumah selepas makan, mereka menunggu istiadat perarakkan dan persandingan dulu terutama para jemputan yang dekat.

(a) Istiadat perarakkan di hari lansung.

Biasanya di kampung ini perarakkan di hari lansung ialah pada pukul dua petang. Tujuannya untuk memberi peluang kepada para jemputan yang jauh melihat pengantin. Perarakkan di hari lansung sama seperti perarakkan di malam berinai besar, sila lihat gambar nombor 7, pada lampiran 5, cuma yang berbeza ialah di hari lansung pengantin perempuan yang telah dihias cantik diarak secara julang menuju ke rumah pengantin lelaki atau rumah pengantin lelaki menumpang jika mempelai itu ialah orang jauh atau luar kampung. Sila lihat gambar nombor 8, pada lampiran 5. Dari rumah itu kedua-dua pengantin diarak cara julang dengan diiringi kompang atau rebana hingga ke rumah pengantin perempuan semula. Sedangkan di malam berinai besar pengantin perempuan tidak perlu pergi menjemput mempelai, sebaliknya kedua-dua pengantin turun dari rumah pengantin perempuan, sila lihat keterangan perarakkan pada malam berinai besar.

(b) Istiadat persandingan di hari lansung.

Selesai perarakkan kedua pengantin dibawa naik ke atas ru-

mah dan pengantin perempuan sahaja dibawa masuk duduk di atas pelamin dan diapit oleh tukang andam. Pengantin lelaki pula ditahan di pintu dan tidak dibenarkan masuk sebelum membayar wang 'hambat pintu' sebanyak M\$ 2.00 sambil membayar itu pengiring pengantin lelaki seolah-olah berhambat-hambat untuk berkuasa masuk ke dalam. Apabila maka didudukkan di atas pelamin diapit oleh tukang andam lelaki. // Upacara bersanding itu sangat penting dalam Adat Perpatih kerana upacara itu memberi peluang kepada semua saudara-mara mengenal orang yang menyemenda di samping turut bergembira. Justru itu di dalam satu perkahwinan upacara persandingan ini dianggap sebagai "... the climax of the wedding." ³⁴ Dan ia tidak pernah ditinggalkan. "Pada keluarga yang tidak mampu sekalipun seperti yang terdapat di dalam masyarakat Melayu Kelantan, mereka mengadakan juga adat bersanding ini di ketil bilik pengantin." ³⁵

(i) Istiadat suap-suap.

Di masa persandingan inilah diadakan istiadat suap-suap ³⁶ di mana mak andam menjemput sedikit pulut dan mengepal-ngepalkannya kemudian diletakkan di dalam sebuah pinggan kecil. Perbuatan ini diulang hingga dapat enam kepal pulut. Mak andam memulakan istiadat itu. Dia bersama-sama pengantin perempuan memegang sekepal pulut. Sementara tukang andam lelaki atau pak andam memegang tangan pengantin

³⁴Judith Djamour, Malay Kinship and Marriage in Singapore (New York: Humanities Press Inc. 1965), hal. 76.

³⁵Sia Wee Teng, op. cit., hal. 75.

³⁶Alat-alat yang digunakan dalam istiadat suap-suap itu ialah sedulang kecil pulut yang dicucuk telur diatasnya, semangkuk air untuk basuh tangan dan dua buah piring kecil.

lelaki dan sedia menahan suapan pulut dari pengantin perempuan. Semasa penyusunan itu kedua-dua pihak sama-sama membilang hingga ke angka tiga, baharulah disuapkan pulut itu ke mulut pengantin lelaki. Perbuatan atau suapan ini diulang sebanyak tiga kali berturut-turut oleh pengantin perempuan dan mak andam. Sesudah itu pak andam dan pengantin lelaki pula yang buat seperti itu, sebanyak tiga kali berturut-turut.

Biasanya pulut yang disuap itu tidak masuk ke mulut pengantin lelaki atau pengantin perempuan supaya perhiasan terutama di bahagian muka kedua-dua pengantin tidak kotor dan rosak. Semasa bersuap-suap itulah para jemputan merasa gembira kerana kadang-kadang mak andam atau pak andam berjenaka seperti "Jaga, jaga, jaga a a a... .. kena." Sila lihat gambar nombor 9, pada lampiran 5.

Pengertian atau hikmat yang tersembunyi di sebalik istiadat itu ialah pulut kuning itu diibarat seperti nasi. Jadi tiga kepal pulut yang disuapkan oleh pengantin perempuan kepada pengantin lelaki itu membawa makna bahawa jika pengantin lelaki atau suami sakit maka pengantin perempuan atau isteri bertanggungjawab memberi makan suaminya. Dan sebaliknya jika isteri yang sakit pula, maka suami bertanggungjawab memberi makan isteri. 37

(ii) Istiadat padam lilin.

Selepas istiadat suap-suap diadakan istiadat padam lilin.

³⁷Hasil dari temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak, dan pemerhatian penulis di majlis perkahwinan yang diadakan di kampung Belangan (tempat kajian penulis).

Pak andam membakar lilin-lilin yang telah disediakan. Mak andam dan pak andam masing-masing mengambil sebatang lilin yang telah dipasang tadi dan dibawa ke mulut kedua-dua pengantin. Mak andam membawa lilin itu ke mulut pengantin perempuan, begitu juga dengan pak andam yang membawa lilin itu ke mulut pengantin lelaki. Kedua-dua tukang andam membilang hingga ke nombor tiga. Selesai sahaja dibilang, kedua-dua pengantin serentak menghembus api lilin itu hingga padam. Perbuatan ini diulang hingga tiga kali. Sila lihat gambar nombor 10, pada lampiran 5. Hikmatnya ialah api itu di dalam adat diibarat sebagai fitnah. Kalau fitnah kena kepada isteri, isterilah yang memadamkannya dan kalau fitnah kena atau singgah kepada suami maka suami-lah yang memadamkannya.

(iii) Istiadat pangkasan.

Istiadat atau upacara pangkasan dijalankan⁵ selepas upacara padam lilin. Di mana buapak atau ketua adat memanggil atau menyeru sesiapa dari sanak saudara pihak perempuan yang hendak menghadiahkan atau memberi wang tunai kepada pengantin perempuan. Apabila seorang dari sanak saudara perempuan itu meletakkan wang tunai ke dalam sebuah dulang yang di atasnya dialas kain, dia menyebut namanya dan menyatakan jumlah wang tunai yang dihadihkannya. Tujuannya memudahkan jurutulis yang telah ditugaskan menulis nama-nama orang yang menghadiahkan wang tunai itu.

Orang yang memberi atau dalam adat dikatakan memberi wang pangkasan itu diberi sebiji telur, dahulu pemberian telur ini bergantung kepada jumlah wang tunai yang dihadihkan oleh mereka. Mi-

salnya jika M\$ 5.00 maka dia mendapat lima biji telur. Jumlah wang pangkasan ini bergantung berapa ramai sanak saudara pihak perempuan. Kalau ramai sanak saudara yang menghadihkannya wang tunai itu maka jumlahnya boleh meningkat hingga ratusan. Jika tidak ramai sanak saudara yang memberinya maka kuranglah jumlah wang pangkasan itu. Semua wang pangkasan itu diserahkan kepada pengantin perempuan selepas majlis perkahwinan nanti. Wang itu merupakan bantuan sanak saudara kepada pengantin perempuan. Selalunya pengantin perempuan menyerahkan wang pangkasan itu kepada ibu bapanya kerana wang itu seolah-olah sebagai ganti wang belanja yang telah disediakan oleh ibu bapanya di hari perkahwinannya itu. ³⁸

(iv) Istiadat menyembah.

Selepas istiadat pangkasan maka kedua-dua pengantin dibawa turun dari pelamin dan didudukkan di hadapan pelamin menghadap orang ramai. Ibu bapa dan keluarga dekat atau kaum kerabat yang rapat pihak perempuan datang dan duduk berhampiran dengan pengantin. Pak an- dan memperkenalkan tiap-tiap orang yang hendak disalam itu kepada pengantin lelaki kerana dia ialah orang baru. Pengantin lelaki bersalaman dan mencium tangan bapa, diikuti dengan ibu seterusnya kepada semua kaum kerabat yang rapat pihak perempuan. Perbuatannya ini diikuti oleh pengantin perempuan.. Di negeri Kelantan istiadat ini dipanggil istiadat 'Ngenal'. ³⁹

³⁸ Hasil dari temuduga dengan ketua adat - Abdullah Munchak, dan pemerhatian penulis di majlis perkahwinan yang diadakan di kampung Belangkan atau tempat kajian penulis.

³⁹ Sia Wee Teng, op. cit., hal. 76.

(v) Istiadat makan berdamai atau makan damai.

Dahulu makan berdamai diadakan di dalam bilik iaitu selepas istiadat menyembah. Pengantin lelaki berdiri di hadapan pengantin perempuan. Mak andam atau pak andam mencangkukkan jari kelingking pengantin perempuan dengan jari kelingking pengantin lelaki. Pengantin lelaki berjalan masuk ke dalam bilik dengan diikuti oleh pengantin perempuan di belakangnya tanpa melepaskan cangkukkan itu. Di bilik baru cangkukkan itu dilepaskan dan bermulalah istiadat makan berdamai.

Sekarang kebanyakannya makan berdamai diadakan di balai makan terutama bagi rumah yang kecil. Makan berdamai ini selain dihadiri oleh kedua pengantin, dua tukang andam, juga orang-orang yang mengiring atau mengikuti rombongan pengantin lelaki tadi. Makanannya adalah istimewa yang dibuat khas untuk pengantin dan para pengiring iaitu berlainan dari para jemputan yang hadir di hari langsung itu. Semasa makan berdamai itu sebagai Adat Melayu, isteri melayan suami ketika makan seperti tolong membasuh tangan suaminya, menyendukkan nasi ke dalam pinggan dan menuangkan air ke dalam gelas atau cawan untuk suaminya. Pengantin perempuan kelihatan masih lagi malu-malu dan menyuap nasi ke mulut perlahan-lahan dengan penuh sopan. Ketika inilah kawan-kawan mereka mengusik-ngusik mereka.

Selepas istiadat ini maka selesailah perkahwinan itu atau dikatakan sudah langsung. Dahulu malamnya selalu diadakan majlis zikir rebana tetapi sekarang tidak diamalkan lagi. Kadang-kadang diadakan juga joget lambak untuk hiburan muda-mudi yang telah penat berkerja di siang harinya. Pada esoknya pula akan diadakan majlis

bertandang atau menyalang ke rumah pengantin lelaki.

4.5 Mari bertandang atau menyalang.

Istiadat menyalang atau bertandang ini ialah pihak pengantin perempuan pula yang datang ke rumah pengantin lelaki. Adalah menjadi adat bahawa pihak perempuan membawa buah tangan yang terdiri daripada tepak sirih, nasi besar yang dicucuk telur sebanyak lima puluh biji atau tiga puluh biji di atasnya dan sepuluh buah 'boko'.⁴⁰

Istiadat menyerahkan segala pembawaan pihak perempuan tadi ialah selepas berarak dan kedua-dua pengantin naik ke atas rumah serta bersanding di pelamin. Di setengah-tengah tempat seperti di Rantau, istiadat menyerahkan segala pembawaan itu bukan di atas rumah tetapi di halaman lagi. Di kampung Belangan adalah dibuat di atas rumah kerana bagi orang-orang di sana, menyerahkan barang-barang itu di atas rumah adalah lebih sopan. Ada pula di setengah-tengah tempat di Negeri Sembilan seperti di Ulu Jempol, semasa orang semenda atau wakil daripada pihak perempuan menyerahkan segala pembawaan pihak perempuan tadi, dia berkata:-

Entahnya lantak entahnya lentik
Kembang bunga inaian
Entah mentah entah lembik
Budak-budak rupa buatan.

Selepas itu membalas pula pihak lelaki, demikian bunyinya:-

⁴⁰ 'Boko' ialah wajik atau dodol atau penganan yang dimasukkan ke dalam tampin. Tampin ialah bekas dodol atau wajik yang dibuat dari anyaman daun mengkuang. Hasil dari temuduga dengan ketua adat di tempat kajian. Beliau ialah Abdullah Munchak.

Sorong papan tarik papan
buah keranji dalam perahu
suruh makan saya makan
berjanji tidaklah saya tahu. 41

Di pelamin dijalankan istiadat suap-suap, istiadat tepung tawar ⁴² dan istiadat pangkasas seperti yang pernah diadakan di rumah pengantin perempuan semasa upacara persandingan di hari langsung. Wang yang diperolehi daripada istiadat pangkasas itu diserahkan kepada pengantin perempuan, tidak pengantin lelaki, kerana wang itu merupakan balasan wang yang dibelanjakan untuk menyedia segala pembawaan pihak perempuan tadi dan bayaran pengangkutan andainya rumah si perempuan jauh dari rumah si lelaki. Oleh sebab itu kita temui di masa istiadat pangkasas dijalankan di rumah lelaki, buapak lelaki menyeru sanak saudara pihak lelaki menyumbangkan wang pangkasas masing-masing. Kalau ramai sanak saudara lelaki yang hendak menyumbangannya akan dihadkan atau diberhentikan oleh buapak secukup jumlah perbelanjaan segala pembawaan tadi dan pengangkutan sahaja. Tujuannya ialah menjimatkan masa supaya cepat selesainya majlis perkahwinan itu.

Selepas istiadat pangkasas diadakan pula istiadat menyembah seperti yang dijalankan di rumah pengantin perempuan. Pengantin lelaki yang mula menyembah kedua ibu bapanya dan sanak saudaranya sebab suami adalah diutamakan dalam sesebuah rumah tangga atau orang lelaki lebih diutamakan dalam sesuatu kerja. Kemudian pengantin perempuan pula mengikut perbuatannya itu. Jika terlalu sibuk di sebe-

⁴¹Shamsiah Abd. Rahim, op. cit., hal. 53 - 54.

⁴²Istiadat suap-suap dan istiadat tepung tawar bukanlah sesuatu yang mesti dijalankan di rumah pengantin lelaki. Ia dipulangkan kepada tuan rumah. Kalau tuan rumah berhajat untuk mengadakannya, maka diadakan istiadat-istiadat itu dan sebaliknya.

lah petangnya, istiadat menyembah itu diadakan malamnya pula.

Selesai majlis persandingan. Barang-barang pembawaan pihak perempuan yang diterima tadi dibahagi-bahagikan kepada sanak saudara pihak lelaki. Mereka tidak membawa pulang barang itu sebab hendak mengelakkan rasa tersinggung dan kecil hati yang mungkin timbul di kalangan mereka. Upamanya sanak saudara pihak lelaki adalah ramai sedangkan barang-barang pembawaan pihak perempuan itu sedikit. Jadi jika dibahagi-bahagikan untuk dibawa pulang ke rumah masing-masing tentu tidak cukup, cara yang mudah, makanan atau boko itu dipotong-potong dan ia dimakan bersama-sama oleh semua sanak saudara lelaki. Jika sedikit sama-samalah merasa sedikit, jika banyak sama-sama merasa puas, seperti kata perbilangan adat:-

"Jika mendapat sama berlabu
Kehilangan sama berugi
Yang ada dimakan bersama
Hati gajah sama dilapah
Hati kuan sama dicecah
Banyak diberi berumpuk
Sedikit diberi bercecah." 43

Setelah selesai istiadat menyalang atau bertandang maka orang yang menghantar pengantin tadi baliklah ke rumah masing-masing. Kedua-dua pengantin terus saja bermalam di rumah pengantin lelaki.

4.6 Istiadat tempuh jejak atau menikah jejak.

Pada esoknya iaitu sehari selepas bertandang atau menyalang, kedua pengantin yang telah menjadi suami isteri itu dan ditemani seorang atau dua orang saudara pihak perempuan balikke rumah emak

⁴³ Nordin Selat, op. cit., hal. 13.

pengantin lelaki atau emak mertua pengantin perempuan semula sebagai menurut jejak yang awal atau menikam jejak atau menempuh jejak. Mereka membawa buah tangan iaitu 'boko' - setampin wajik atau dodol untuk emak mertua. Emak mertua pula membalas dengan memberi seperlengkapan barang-barang bagi memulakan rumah baru seperti pinggan makan, mangkuk nasi, dulang, cawan dan sudu. Hal ini bergantung kepada kemampuan ibu mertua itu. Selepas rumah ibu suami, pada hari itu juga atau esoknya pergilah kedua suami isteri ke rumah saudara nan kedim pihak suami seperti adik-beradik yang sudah berumah tangga dan bapa saudara sebelah ibu dengan membawa 'boko' wajik atau dodol juga. Mereka dibalas dengan sepasang kain baju, sebiji pinggan atau sebuah mangkuk lauk. Sekarang balasan dari mereka lebih berupa wang sebanyak M\$ 2.00, kadang-kadang sampai M\$ 10.00. Balasan itu dipanggil sebagai 'isi boko'.

Tujuan utama menempuh jejak atau menikam jejak ialah berkenalan dengan mentua-tayo, ipar-lemai, saudara nan kedim dan saudara nan jauh di pihak lelaki. Sekarang istiadat ini semakin kurang diamalkan kerana kebanyakan orang muda sudah berkerja di bandar dan kerap kali dia balik ke kampung untuk berkahwin sahaja. Kadang-kadang dua hari lagi hendak berkahwin atau hari langsung baru dia balik kerana baru dapat cuti. Selepas berkahwin mereka terus kembali ke tempat kerja samada membawa isteri ataupun kembali sendiri sahaja tanpa melakukan istiadat menempuh jejak. Hal ini disebabkan cuti kahwin itu terlalu pendek, setengah-tengah kerja seperti askar mungkin cutinya hanya dua atau tiga hari sahaja. Ini ternyata banyak adat istiadat yang telah ditinggalkan dan kerja hanya ringkas sahaja

menurut keperluan dan kemampuan wang dan masa.

4.7 Penutup.

Pengaruh kebudayaan-kebudayaan asing dalam adat istiadat perkahwinan dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih.

Dari penghuraian adat istiadat perkahwinan dalam bab-bab dua, tiga dan empat. Jelas pada keseluruhan adat istiadat perkahwinan dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih khususnya di kampung Belangkan atau tempat kajian penulis, ternampak unsur-unsur percampuran kebudayaan Hindu/Buddha, Islam dan Barat. Hal ini tidak dapat dinafikan bahawa Adat Perpatih memang mendukung berbagai pengaruh menurut zaman yang ditempuhnya. Sejak permulaan ia banyak menerima pengaruh animisma berikutan dengan pengaruh Hindu/Buddha, pengaruh Islam dan di abad ke 16, ia telah menerima pengaruh Barat.

Terdapatnya percampuran kebudayaan dalam Adat Perpatih kerana sifatnya sendiri. Adat itu mempunyai sifat dinamis, berkembang dan berubah di mana yang perlu menurut keadaan zaman, kerana pencipta Adat itu bergantung kepada pengalaman perubahan tepian mereka yang dilanda oleh air bah. Inilah yang dikatakan dalam perpatah adat:-

Sekali air gadang
Sekali Tepian beralih

atau

Sekali air bah
Sekali tepian berubah.

Di sini terang bahawa yang berubah itu hanya tepian, kerana sungai yang mengalir itu tetap sungai itu juga. Jadi dengan ki-

asan di atas nyata bahawa yang berubah ialah pelaksanaan ADAT menurut keadaan. Sedangkan ASAS dari ADAT tetap tidak berubah.⁴⁴ Ataupun yang boleh menerima dan berubah ialah peraturan-peraturan yang bukan fundamental atau tidak asasi atau tidak penting seperti dalam upacara-upacara nikah kahwin, dahulu pengantin lelaki memakai baju Melayu, sekarang dia memakai kot dan tali leher. Sedangkan peraturan-peraturan yang fundamental sama sekali tidak boleh diubah, baik kata perbilangan, "tak lekang oleh panas, tak lapuk oleh hujan", contohnya hidup bersuku dan sebagainya.⁴⁵

Jadi adat yang bukan asasi atau tak fundamental dengan terang dan tegas dinyatakan oleh adat dalam nasihatnya:-

Usang-usang diperbaharui
Lapuk-lapuk dikajangi

Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang

Kalau singkat minta disambung
Kalau panjang minta dikêrat
Kalau koyek minta ditempai.⁴⁶

Oleh sebab itu dalam bahagian pelaksanaan upacara atau istiadat itulah banyak terdapat percampuran kebudayaan-kebudayaan itu yang disesuaikan dengan keadaan masa dan keadaan masyarakat setempat. Misalnya, unsur-unsur Hindu/Buddha ternyata dalam perbuatan merisik, kemudian diikuti pula dalam upacara berikutnya seperti berendam, perarakkan, persandingan di pelamin, bilangan ganjil. Umpamanya tempoh memberi keputusan samada setuju atau tidak selepas pihak

⁴⁴Hj, Abdullah Siddik, "Adat Dan Modernisasi", Kertaskerja Seminar Pensejarahan Dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April 1974, hal. 2 - 3.

⁴⁵Nordin Selat, op. cit., hal. 3 - 4.

⁴⁶Ibid, hal. 3 - 4.

lelaki menghantar 'cincin tanya' ialah secepat-cepatnya tiga hari dan selambat-lambat dua kali tujuh hari atau dua minggu. Jampi serapah dan pantang larang dalam satu-satu upacara perkahwinan itu banyak berbau Hindu/Buddha.

Apabila Islam datang ke Nusantara atau Alam Melayu, selain dari membawa agama Islam. Islam juga membawa kebudayaannya yang meliputi soal-soal kemasyarakatan iaitu mengatur cara hidup di dunia dan bekalan hidup untuk akhirat. Maka berlakulah penyesuaian kebudayaan Hindu/Buddha dengan Islam dan adat dengan Islam. Islam cuma pentingkan soal pokok perkahwinan itu seperti mengatur perkahwinan itu dengan mengenakan hukum syarak, seperti syarat-syarat sah nikah, akad nikah, saksi, wali, bacaan doa selamat dan sebagainya. Penyesuaian antara Hindu/Buddha dengan Islam jelas dalam jampi serapah dan bacaan doa selamat iaitu unsur-unsur Hindu yang berbunyi, 'Devata Mulia Raya' dan 'Seng Yang-Yang' digantikan dengan perkataan-perkataan Arab seperti 'Allah', 'rasullullah', nabi-nabi dan sebagainya.

Penyesuaian ini diterima oleh masyarakat Adat Perpatih tanpa dipersoalkan lagi kerana mereka mengetahui keagongan dan kesempurnaan cara hidup dalam ajaran agama Islam yang membawa perubahan adat mereka ke arah yang lebih baik, lebih sempurna dan lebih bermutu. Pada Adat: menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik. Pada Syarak: menjuruh berbuat baik, menegah berbuat jahat. ⁴⁷

Di abad ke 19 sekali lagi Adat Perpatih bertembung dengan

⁴⁷ Hj. Abdullah Siddik, op. cit., hal. 6.

satu kebudayaan asing iaitu kebudayaan Barat. Unsur-unsur budaya Barat diserap masuk ke dalam masyarakat Adat melalui komunikasi sama-ada perhijrahan orang-orang bandar ke kampung-kampung dan sebaliknya, mas media atau pendidikan. Tetapi saluran yang paling berkesan ialah melalui pendidikan. Justru itu di dapati anggota masyarakat Adat Perpatih yang mendapat pendidikan Barat apabila berkahwin, mereka banyak meninggalkan cara-cara lama atau tradisional. Misalnya, mereka tidak lagi berendam dengan tukang andam kampung, tetapi telah pergi ke kedai-kedai solek sebelum ke upacara persandingan. Begitu juga pakaian mereka lebih bercorak Barat seperti kot dan gaun.

Kemasukan kebudayaan luar ini juga menyebabkan antara satu tempat dengan satu tempat lain dalam Negeri Sembilan sendiri terdapat perbezaan dalam adat istiadat perkahwinannya. Perbezaan yang dimaksudkan di sini ialah perbezaan dalam alatannya seperti barang-barang iringan di setengah kampung lebih banyak dari kampung yang lain ataupun jumlah boko yang dibawa oleh pihak perempuan ke rumah pengantin lelaki. Di setengah tempat di dalam Negeri Sembilan seperti di Rembau, jumlah boko itu bergantung kepada jumlah adik beradik si lelaki tetapi di setengah tempat memadai sebagai syarat saja seperti di kampung Belangan hanya sepuluh boko sahaja.

Kemasukan unsur-unsur moden seperti pendidikan dan pentadbiran moden menjadikan masyarakat sekarang selalu atau terlalu sibuk dengan aktiviti-aktiviti masing-masing. Maka adat istiadat perkahwinan sekarang diringkaskan mengikut masa dan kemampuan si pengantin. Hal ini jelas pada ucapan mereka dalam upacara-upacara itu. Mereka telah banyak meringkaskan kata-kata perbilangan itu mengikut situasi

zaman sekarang yang berbeza dengan zaman dahulu tetapi maksud atau tujuannya masih tetap sama. Oleh sebab itu ditemui di setengah-teengah tempat dalam Negeri Sembilan yang masih kuat memegang tradisi adat, mereka masih menggunakan kata-kata perbilangan dengan sepenuhnya seperti di Rembau dan Kuala Pilah. Di tempat-tempat yang banyak menerima pengaruh luar atau bandar mereka meringkaskan ucapan-ucapan itu dan dicakapkan semula dalam bentuk prosa ringkas sahaja tanpa menghilangkan maksud atau tujuannya.

Kemasukan unsur-unsur kebudayaan itu kian meluas dalam masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Namun begitu peraturan yang asas seperti sistem perkahwinan di luar suku atau perkahwinan antara suku tetap diamalkan oleh mereka, terutama anggota-anggota yang kuat berpegang kepada adat. Setiap peraturan dan adat istiadat Adat Perpatih menampakkan peribadi masyarakatnya. Dalam masyarakat yang mengamalkan sistem bersuku ini terdapat nilai muafakat dan sefahaman dalam melakukan sesuatu. Hanya dengan muafakat baharulah dapat kebulatan faham dan tercapailah persetujuan mengenai satu-satu perkara atau kerja. Dalam adat istiadat perkahwinan masyarakatnya nilai muafakat menjadi sendi dalam membuat satu keputusan atau kerja. Misalnya dalam adat istiadat merisik, keputusan samada menerima atau menolak 'cincin tanya' itu hanya tercapai setelah diadakan muafakat di antara keluarga terdekat (saudara kodim, adik-beradik dan ibu bapa). Begitu juga dalam menentukan jumlah 'belanja hangus' yang hendak dihantar oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan adalah hasil dari muafakat ibu bapa kedua belah pihak.

Dalam menentukan tarikh dan hari dilaksanakan perkahwinan

antara teruna dan dara yang telah diikat dengan 'cincin tanda' itu juga memerlukan muafakat antara kedua pihak. Tegasnya muafakat adalah perkara yang pokok atau asas sebelum memulai satu-satu kerja itu atau sebelum diambil satu-satu keputusan itu. Sebagaimana kata perbilangan adat:-

Bulat air kerana pemetong
Bulat kata kerana muafakat. 48

Justru anggota-anggota dalam satu suku beranggapan bahawa mereka itu adalah:-

Beranak bersaudara
Adik-beradik
Dekat rumah dekat kampung
Sehalaman sepermainan
Seperigi sepermandian
Segayung sepergiliran. 49

maka nilai tolong-menolong dan bergotong-royong menjadi amalan yang terus menerus diamal hingga ke anak cucunya. Dalam upacara perkahwinan sanak saudara si pengantin dengan rela menghulurkan bantuan samada berupa material mahupun tenaga kerja. Contohnya, wang yang digunakan untuk mengadakan segala persediaan-persediaan perkahwinan seperti jamuan para jemputan adalah hasil dari bantuan sanak saudara si pengantin. Bagi mereka yang tidak memberi wang, mereka membantu dalam bentuk material yang berupa bahan mentah seperti tepung, gula, beras, minyak masak, telur dan lain-lain lagi. Bagi sanak saudara yang tidak mempunyai wang pula menolong dengan tenaga mereka. Tegasnya melalui semua peringkat istiadat itu kita dapati orang-orang seperti buapak,

⁴⁸ Idris Hj. Tain, "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih, Negeri Sembilan", Kertaskerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April 1974, hal. 6.

⁴⁹ Ibid, hal. 5.

saudara kedin, waris dan orang semenda mempunyai tugas atau peranan tertentu yang saling berhubungan atau berkait serta teratur dan berkoordinasi antara semua bahagian menjadikan sebuah organisasi istiadat perkahwinan.

Dengan adanya sifat atau nilai tolong-menolong dan kerjasama dalam melaksanakan adat istiadat atau upacara itu juga boleh merapatkan lagi hubungan kekeluargaan dan dapat pula menimbulkan semangat perpaduan dalam masyarakat itu.

BIBLIOGRAFI

A. Buku:

1. Abdullah Siddik. Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, 1975.
2. Djamour, Judith. Malay Kinship and Marriage in Singapore. New York: University of London, Humanities Press, Inc., 1966.
3. Nordin Selat. Sistem Sosial Adat Perpatih. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad, 1976.

B. Rencana/kertaskerja:

1. Abas Haji Ali. "Sebahagian dari Dasar Adat", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
2. Abdullah Siddik. "Adat dan Modernisasi", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
3. Aliyah. "Rahsia Mak Andam menjadikan Pengantin Berseri di Pelamin" dalam Keluarga, Keluaran 21, Disember, 1977.
4. Hashim Abdul Ghani. "Kata-Kata Perbilangan dan Tafsirannya", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
5. Idris Haji Tain. "Beberapa Konsep Penting dalam Sistem Adat Perpatih Negeri Sembilan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
6. Mansor Haji Jamaluddin. "Konsep Harta di dalam Sistem Adat Perpatih", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
7. Md. Sharif Fakeh Hassan. "Sejarah Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan Kaitannya di Minangkabau", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.

8. Mohd. Dahlan Mansoer. "Minangkabau dan Negeri Sembilan, Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.
9. Mohd. Rais Yatim. "Undang-Undang Adat Perpatih, Common Law dan Equity - Satu Analisa Perbandingan", kertaskerja dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, April, 1974.

C. Latihan Ilmiah:

1. Shamsiah Abdul Rahim. Bahasa Perbilangan dalam Istiadat Perkahwinan, dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan, Satu Contoh. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974/75.
2. Sia Wee Teng. Adat Istiadat Perkahwinan Orang-Orang Melayu Kelantan. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976/77.
3. Zainal Kling. Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara. Latihan Ilmiah Universiti Malaya, 1969.

LAMPIRAN (ii)

SURAT NIKAH/KAHWIN

No U 2263



1960/7/1

نکري سميلن

اوئدغ ۲ فئدبيران حکوم شروع تاعون 1960

(بيلان 15 تاعون 60)


سورت کتراغن نکاح

[5 (2)]

بھواسن... محمد الرزاق... بن جبيب
(کاره فئنانلن نمبر 3509854) ندا دعتدکن نکاحن دغن
... بنت النجيب...
(کاره فئنانلن نمبر 351793) ...
... 19... 7-4...
... 2... 13...
... دغيت عوتخ/توني...

بياران دکنانکن \$ 3 00

تسرتوليس د...
... 19... 7-4...
... 13... 7-4...



قاضي

دأيره/ولايه...

LAMPIRAN (iii)

SURAT IZIN PEREMPUAN KEPADA WALINYA

اذین دان وکاله

اداله ساي... بسپي پري... بنت...
مفادينکن کفد... بن...
فککت... کفد ساي قد منکاکن ديري ساي دغن
... بن...
دغن مسکھوين... توني/صتخ دان ساي...
بن... سسکوهن بروکيل کفد...
بن... باکي معقدکن نکاح... ساي نامن
... بنت... يقدارا/بجصل
دغن... بن... دغن مسکھوين
يقترسبوت داتس اين. مک اذین دان وکاله يفترسبوت داتس اين تله
برلاکو دهدافن دوا اورغ سقسي يفترسبوت نامن قد فصل 4 دسبله اين.

تندا تاغن يفترسبوت...
.....

تندا تاغن يفتروکيل...
.....

تندا تاغن سقسي...
.....

.....
.....

.....
.....

LAMPIRAN (iv)

SURAT TAKLIK

15. لفظ تعلیق دمکین:

منکل ساي تيفکلکن استري ساي..... ديسين بر جاني..... بنت..... سلام.....
4 بولن اتو لبه دغن سجاج اتو فقسا اتو ساي اتو وکیل ساي تيا د مبري نفقه کفدا ن سايلا ماس يفتري سبوت فد حال اي
طاعتکن ساي اتو ساي ملاکوکن سبارغ مضرت کفد توبه بدائن، اتو کحرمتنن اتو هرت بندان کمدين اي مقادو کفد قاضي
دان منکل نابيت ادوانن دسيسې قاضي اتو فشاديل محکمه شرعيه اتو جماعه فشاديلن محکمه جواتنکواس اولغبچارا دان اي
مبري کفد قاضي باکي فيهق ساي سبايق I\$, مک فد کتيک ايت ترطلاقله اي دغن ساتو طلاق خلعي.

.....
تندا تاغن يضر تعلیق


Bayaran Pendaftaran S. 4/1

Recht DE 42/15, Tarih 12. 4. 99.

DISJUKAN BENAR


17153-20-2-1975-Rak 3/28-J.C.K., K.L.

LAMPIRAN (va)




1. Pelamin adalah tempat persandingan pengantin.

LAMPIRAN (vb)



2. Penyerahan tepak sirih oleh orang semenda kepada buapak pihak lelaki.

LAMPIRAN (vc)




3. Orang semenda dengan orang-orang pihak lelaki makan sirih di rumah persinggahan pihak lelaki.

LAMPIRAN (vd)



4. Barang-barang hantaran (tepak sirih, 'belanja hangus' dan barang-barang iringan) yang digubah dalam berbagai bentuk.

LAMPIRAN (ve)



5. Istiadat Akad Nikah: wali atau wakil wali bersalam dengan pengantin lelaki.

LAMPIRAN (vf)




6. Perarakkan di Malam Berinai Besar: kedua-dua pengantin yang berpakaian tradisional dijulang oleh empat orang anggota masyarakat Adat Perpatih.

LAMPIRAN (vg)



7. Perarakkan di Hari Lansung: kedua-dua pengantin disandingkan di halaman hadapan rumah, bagi tuntunan para jemputan.

LAMPIRAN (vh)



8. Pengantin perempuan yang diarak cara julang dengan diiringi rebana menuju ke rumah persinggahan pengantin lelaki.

LAMPIRAN (vi)



9. Istiadat Suap-Suap; Mak andam dan pengantin perempuan menyuap pulut ke mulut pengantin lelaki. Tetapi ditahan oleh pak andam dan pengantin lelaki. Perbuatan itu dilakukan sambil berjenaka.

LAMPIRAN (v.j)



10. Istiadat Padam Lilin: Kedua-dua pengantin serentak menghembus api lilin itu hingga padam.